

5 PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SEBELUM TAHUN 2023 BERAKHIR



**DAFTAR
SEBAGAI
PENGGUNA
MYTAX**

**KUMPUL DOKUMEN
BERKAITAN
PELAPORAN CUKAI
TAHUN TAKSIRAN
2023 TERMASUK
PELEPASAN**



**SEMAK
KEDUDUKAN
CUKAI TERKINI
MELALUI
E-LEJAR**

**JELASKAN
TUNGGAKAN
CUKAI JIKA ADA
MELALUI
ByrHASiL**



**DAPATKAN
MAKLUMAT
TERKINI PERCUKAIAN
MELALUI PORTAL
RASMI HASIL**

KE ARAH #TUNGGAKANCUKAISIFAR2023

SENARAI SEMAK DOKUMEN TT 2023

Sebelum 2023 berakhir, sila PASTIKAN dokumen berkaitan dengan pelepasan yang boleh dituntut dalam borang cukai anda telah disimpan dengan rapi, antaranya :

- i) Penyata pendapatan atau penggajian : Borang EC/EA, CP58, penyata bank (bagi yang bekerja sendiri), penyata pendapatan daripada syarikat pengiklanan dalam talian, penyata pendapatan daripada penyedia perkhidmatan ekonomi gig,
- ii) Penyata/resit daripada penyedia perkhidmatan : hospital, pusat pengajian /pendidikan, insurans,
- iii) Penyata/resit asal pembelian yang dibenarkan sebagai pelepasan; dan/atau
- iv) Penyata/resit daripada gerbang pembayaran digital : Paypal, FPX, ipay88, MOL, dll.

Bagi memastikan dokumen dan penyata ini disimpan dengan rapi selama tujuh (7) tahun, berikut adalah cadangan penyimpanan rekod :

- i) Setiap penyata dibuat salinan secara fizikal dan digital; dan
- ii) Kategorikan dokumen mengikut jenis pelepasan dan tahun taksiran

Maklumat lanjut berhubung percukaian boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, **www.hasil.gov.my**.

PROGRAM PENGUMPULAN MAKLUMAT

Program ini adalah program pengesanan dan pematuhan yang dijalankan oleh HASiL melalui pengumpulan maklumat tambahan seperti maklumat pelbagai punca pendapatan, maklumat pembelian dan pemilikan aset, maklumat keahlian persatuan / kelab dan sebagainya.

Objektif program ini adalah untuk menyokong aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan yang dijalankan oleh LHDNM, dan menyediakan maklumat bagi tujuan pembesaran asas cukai.

Agensi Kerajaan/Syarikat swasta/individu dan orang perorangan yang dikehendaki untuk membekal maklumat melalui surat/notis di bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967, perlu untuk mengemukakan maklumat dalam format *softcopy* kepada pejabat HASiL yang berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis/surat. Sekiranya memerlukan masa yang lebih panjang untuk menyediakan maklumat tersebut, permohonan untuk melanjutkan tempoh masa pengemukaan boleh dibuat kepada pejabat HASiL tersebut.

Maklumat lanjut berhubung program ini boleh dilihat di Portal Rasmi HASiL, **www.hasil.gov.my** di bawah menu Pautan Pantas.

INFO PKPS 2.0 : KATEGORI FAIL CUKAI TERLIBAT

PKPS 2.0 melibatkan semua kategori fail pembayar cukai di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 / Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976 / Akta Setem (AS) 1949. Peruntukan undang-undang di bawah

ACP 1967 / ACKHT 1976 / AS 1949 adalah berkaitan pengenaan penalti dan surcuj seperti berikut:

- a. Subseksyen 112(3) ACP 1967
- b. Subseksyen 113(2) ACP 1967
- c. Subseksyen 140A(3C) ACP 1967
- d. Subseksyen 29(3) ACKHT 1976
- e. Subseksyen 47A(1) AS 1949

Walaupun bagaimanapun PKPS 2.0 ini tidak melibatkan fail majikan.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperolehi daripada Portal Rasmi HASiL, **www.hasil.gov.my** di bawah menu Pautan Popular.

MAKLUMAN PERPINDAHAN HASIL PULAU PINANG

HASiL Pulau Pinang kini beroperasi di premis baharu bermula 18 Disember 2023.

Alamat premis baharu adalah seperti berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pulau Pinang
No. 2, Lebuhraya Sungai Pinang,
Seksyen 8,
11600 Bandar Jelutong,
DTL, Pulau Pinang.

Para pelanggan adalah digalakkan untuk membuat e-janji temu menerusi pautan pantas **<https://ejanjitemu.hasil.gov.my/appointment/index>** bagi urusan percukaian, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Duti Setem.

INISIATIF PENDIGITALAN PERKHIDMATAN HASIL

Jom, pastikan anda mengikuti dan langgan akaun rasmi HASiL di saluran media sosial berikut :

Facebook : **<https://www.facebook.com/HASiLMalaysia>**

X : **https://twitter.com/HASiL_Malaysia**

TikTok : **https://www.tiktok.com/@hasil_malaysia**

Instagram : **https://www.instagram.com/hasil_malaysia**

Youtube : **https://www.youtube.com/@HASiL_Malaysia**

WASPADA DENGAN SCAMMER :

SENTIASA PEKA DENGAN HEBAHAN DAN PEMAKLUMAN YANG DISAMPAIKAN OLEH PIHAK BERKUASA BAGI MENGETAHUI MODUS OPERANDI TERKINI YANG DIGUNAKAN OLEH SCAMMER.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.